





PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI UNIT PERANCANG EKONOMI 2021-2025



**PELAN
ANTIRASUAH ORGANISASI
UNIT PERANCANG EKONOMI
2021-2025**



Cetakan Pertama 2021

Hak Cipta Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri



Diterbitkan oleh:

Unit Perancang Ekonomi

Jabatan Perdana Menteri

Menara Prisma

No. 26, Persiaran Perdana

Presint 3, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62675 PUTRAJAYA

Laman Sesawang: www.epu.gov.my/ms

Dicetak oleh:

Merah Print & Supply Sdn. Bhd. [9617728-P]

No. 22, Ground Floor, Jalan 4/12A

Seksyen 4 Bandar Baru Bangi

43650 Bandar Baru Bangi, Selangor

Telefon: 03-8922 3140

Faks: 03-8912 2770

Laman Sesawang: www.merahprint.com

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat jua, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

KANDUNGAN



	Perutusan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi)	4
	Amanat Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi	6
	Ringkasan Eksekutif	8
BAB 1 PENGENALAN	Latar Belakang EPU	13
BAB 2 ISU DAN CABARAN	Risiko Rasuah di EPU	18
	Statistik dan Laporan Penerimaan Laporan 2016-2020	19
	Perincian Laporan Kes Tatatertib EPU	20
	Kaji Selidik Berkaitan Isu Rasuah, Governans dan Integriti	21
	Laporan Ketua Audit Negara	21
BAB 3 MEMPERKASA USAHA PENCEGAHAN RASUAH	Kerangka OACP EPU	25
	Analisis Kuadran	26
	Keutamaan Strategik	27
	Bidang Keutamaan	30
BAB 4 PELAKSANAAN PELAN TADBIR URUS	Pelaksanaan, Pemantauan & Semakan Semula Struktur Tadbir Urus	38 38
BAB 5 KESIMPULAN	Kesimpulan	42
	Penghargaan	43
	Senarai Nama Peserta Bengkel Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) EPU	44
	Bengkel Pelan Anti Rasuah (OACP) EPU	46
	Mesyuarat Jawatankuasa OACP	48
	Akronim	50

Perutusan

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)

Pelan Antirasuah Organisasi (*Organisational Anti-Corruption Plan* - OACP) Unit Perancang Ekonomi, 2021-2025 mencerminkan komitmen untuk meningkatkan integriti dan tadbir urus dalam menyampaikan perkhidmatan yang terbaik kepada kumpulan sasar dan pihak berkepentingan.

Pelan ini disediakan selaras dengan inisiatif di bawah Strategi 2, Pelan Antirasuah Nasional (*National Anti-Corruption Plan* - NACP) iaitu memperkukuhkan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam.

OACP ini membuktikan kesungguhan EPU untuk membanteras segala bentuk rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan serta meningkatkan tahap integriti.

Kejayaan dalam membanteras rasuah tidak akan tercapai tanpa komitmen daripada semua pihak. Pematuhan kepada peraturan yang berkuat kuasa amatlah penting bagi memastikan akauntabiliti dan ketelusan dalam pelaksanaan dan penyampaian perkhidmatan awam di Malaysia.

Marilah kita bersama-sama berpadu tenaga dan usaha untuk meningkatkan tahap integriti agar dapat menjadikan EPU sebagai organisasi yang cemerlang dan bebas rasuah.

“
Kejayaan dalam membanteras
rasuah tidak akan tercapai tanpa
komitmen daripada
semua pihak.
”



DATO' SRI MUSTAPA MOHAMED
Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi)

Amanat

KETUA PENGARAH UNIT PERANCANG EKONOMI

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, dengan izinNya, penerbitan dokumen Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (EPU, JPM) telah dapat disiapkan. Ia dibangunkan dengan hasrat untuk meningkatkan integriti serta tadbir urus di EPU, JPM. Dokumen ini juga adalah bagi memenuhi hasrat Kerajaan memerangi rasuah selaras dengan inisiatif dalam Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023.

Pembangunan OACP EPU, JPM ini akan menjadi rujukan dan panduan kepada warga EPU bagi memastikan proses kerja dan penyampaian perkhidmatan dilaksanakan secara telus dan berintegriti. Ini amat penting memandangkan EPU, JPM adalah agensi pusat utama yang merancang pembangunan sosioekonomi negara bagi jangka sederhana dan panjang.

OACP EPU, JPM ini mengandungi analisis risiko serta strategi dan pelan tindakan bagi mengelakkan berlakunya rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan. Pelaksanaan pelan tindakan ini akan dipantau dan dilaporkan serta tindakan penambahbaikan akan diambil bagi memastikan warga EPU, JPM mempunyai integriti, akauntabiliti dan bebas rasuah dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab dalam merancang pembangunan sosioekonomi negara.

Saya berharap agar semua warga EPU dapat menghayati dan melaksanakan inisiatif di dalam OACP EPU, JPM ini secara berkesan dan efektif bagi mengangkat imej EPU, JPM sebagai organisasi yang berintegriti dan amanah.

**Pembangunan OACP EPU,
JPM ini akan menjadi rujukan
dan panduan kepada warga EPU
bagi memastikan proses kerja
dan penyampaian perkhidmatan
dilaksanakan secara telus
dan berintegriti.**



DATUK SAIFUL ANUAR LEBAI HUSSEN
Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi

Ringkasan

EKSEKUTIF

Pembangunan OACP EPU ini merupakan keperluan berdasarkan inisiatif 2.1.5 di bawah “Strategi 2: Memperkukuh Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam” di dalam NACP dan perenggan 6.1 dalam Arahan YAB Perdana Menteri No.1 Tahun 2018, Siri 2 No. 1 Tahun 2019 - “Pemantapan Governans, Integriti dan Antirasuah dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia: Pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional”. Bagi memenuhi hasrat yang digariskan dalam dasar antirasuah berkenaan, OACP EPU ini dirangka dengan mengambil kira pandangan daripada semua warga EPU dari pelbagai bahagian dan komitmen pengurusan tertinggi. Visi OACP EPU ini adalah untuk menjadikan warga EPU yang berintegriti dan telus. Tiga bidang keutamaan dikenal pasti, iaitu perancangan projek pembangunan, kawal selia dan tadbir urus agensi serta khidmat pengurusan. Sebanyak 29 pelan tindakan bagi menangani risiko berkaitan integriti, tadbir urus dan rasuah akan dilaksanakan. Pelaksanaan pelan tindakan dalam OACP EPU ini akan dipantau secara berkala dan dikaji semula dari semasa ke semasa.



DAN JANGANLAH KAMU MAKAN
(ATAU MENGAMBIL) HARTA (ORANG-ORANG LAIN)
DI ANTARA KAMU DENGAN JALAN YANG SALAH,
**DAN JANGAN PULA KAMU
MENGHULURKAN HARTA KAMU**
(MEMBERI RASUAH) KEPADA HAKIM-HAKIM
KERANA HENDAK MEMAKAN
(ATAU MENGAMBIL) SEBAHAGIAN
DARI HARTA MANUSIA DENGAN
(BERBUAT) DOSA, PADAHAL
KAMU MENGETAHUI (SALAHNYA).

(Al-Baqarah: 188)



Sabda Rasulullah S.A.W bermaksud:

**“ Sesungguhnya Allah S.W.T
mencintai seseorang yang apabila
mengerjakan suatu pekerjaan,
dilakukan dengan penuh
kesungguhan (itqan) ”**

(Hadis Riwayat Imam Muslim)

BAB

1

Pengenalan



Latar Belakang

EPU

EPU merupakan agensi pusat yang bertanggungjawab untuk menyediakan pelan pembangunan negara. Unit ini bermula pada 24 April 1956 dengan penubuhan Sekretariat Ekonomi kepada Jawatankuasa Ekonomi Majlis Eksekutif Persekutuan (*Economic Committee of Federal Executive Council*). Sekretariat Ekonomi telah disusun semula menjadi EPU pada tahun 1961 dan diketuai oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Ekonomi) di Jabatan Perdana Menteri. Bermula pada tahun 1970, EPU diketuai oleh seorang ketua pengarah.

EPU telah melalui beberapa proses pengukuhan fungsi bagi memantapkan peranan EPU dalam perancangan pembangunan sosioekonomi negara. Ini termasuk penyusunan semula struktur organisasi pada tahun 2007 yang telah mengkhususkan bidang perancangan kepada dua sektor, iaitu perancangan makro dan perancangan sektoral. Pada tahun 2009, Seksyen Penswastan dan Pembiayaan Inisiatif Swasta (PFI) telah dipindahkan kepada Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), iaitu satu agensi baharu di bawah Jabatan Perdana Menteri.

EPU telah distruktur semula menjadi Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) berikutan perubahan kerajaan selepas pilihan raya umum ke-14 pada tahun 2018 serta keputusan Jemaah Menteri bertarikh 18 Disember 2019. MEA masih mengekalkan fungsi utama EPU serta diberikan peranan mengawal selia 31 agensi, badan berkanun, syarikat berkaitan kerajaan dan perbadanan kemajuan ekonomi negeri (PKEN). Dengan tambahan peranan itu, fungsi MEA lebih menyeluruh meliputi aspek perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan kawal selia.

EPU telah diwujudkan semula sebagai satu agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri berikutan pembentukan Kabinet baharu pada 10 Mac 2020. EPU mengambil alih peranan dan tanggungjawab MEA apabila MEA dibubarkan, termasuk tanggungjawab mengawal selia 17 badan berkanun dan syarikat berkaitan kerajaan.



► **2020**

EPU diwujudkan semula selepas pembentukan Kerajaan dan Kabinet baharu pada 10 Mac 2020. EPU diletak di bawah JPM semula.

◀ **2018**

Fungsi EPU diambil alih Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) berikutan perubahan Kerajaan selepas PRU14

◀ **2017**

Civil Service Delivery Unit (CSDU) dan Sekretariat TN50 ditubuhkan dan diletak di bawah EPU

► **2007**

Penyusunan semula organisasi melalui *Rebranding of EPU*

► **2009**

Seksyen Penswastan dan PFI dipisahkan daripada EPU dan menjadi Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS)

◀ **2003**

Malaysian Development Institute (MDI) ditubuhkan di EPU

◀ **1961**

Sekretariat Ekonomi disusun semula sebagai Unit Perancang Ekonomi (EPU) di bawah JPM

► **1956**

Bermula sebagai Sekretariat Ekonomi kepada *Economic Committee of federal Executive Council*



VISI	Peneraju perancangan pembangunan sosioekonomi Malaysia yang progresif, mampan dan inklusif
MISI	Merancang, melaksana dan mengawal selia pembangunan sosioekonomi Malaysia secara strategik, inovatif dan proaktif ke arah kemakmuran bersama
OBJEKTIF	▶ Merancang pembangunan sosioekonomi secara komprehensif ke arah pertumbuhan mampan dan inklusif ▶ Mengoptimumkan penggunaan sumber kewangan melalui pengagihan peruntukan secara berkesan ▶ Memantapkan pemantauan dan penilaian dasar, program serta projek pembangunan berasaskan <i>outcome</i> ▶ Meningkatkan kecekapan sebagai pemudah cara dengan pihak berkepentingan ▶ Memantapkan kapasiti dan kebolehan organisasi ke arah penyampaian perkhidmatan yang berkesan
FUNGSI DAN PERANAN EPU	Perancangan Pembangunan Sosioekonomi ▶ Menggubal dasar perancangan pembangunan sosioekonomi untuk jangka masa sederhana dan panjang pada peringkat nasional, wilayah dan negeri ▶ Menjalankan penyelidikan sosioekonomi dan berperanan sebagai penasihat kepada Kerajaan berhubung hal ehwal sosioekonomi ▶ Memperkukuh perancangan pembangunan inklusif termasuk memperkasa agenda Bumiputera ▶ Menggubal dasar berkaitan tenaga, iaitu minyak dan gas Pengagihan Sumber Peruntukan ▶ Menentukan siling dan pengagihan peruntukan perbelanjaan pembangunan ▶ Melaksanakan pengurusan nilai bagi projek pembangunan melebihi RM50 juta Pelaksanaan, Penyelarasan dan Pemantauan ▶ Memantau kemajuan program nasional, inisiatif dan projek pembangunan ▶ Melaksana, menyelaras dan memantau program serta projek EPU ▶ Melaksana, menyelaras dan memantau pembangunan inklusif, termasuk memperkasa agenda Bumiputera dan membasmi kemiskinan


Pemudah cara Pihak Berkepentingan

- ▶ Menjadi *focal point* bagi kerjasama antarabangsa dan pembangunan rentas sempadan
- ▶ Menjadi urus setia kepada jawatankuasa perancangan dan pembangunan sosioekonomi peringkat nasional termasuk Majlis Tindakan Ekonomi (EAC) dan Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negara (JPPN), dan Majlis Ekonomi Digital dan Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) Negara.

PUNCA KUASA

- ▶ Mesyuarat Jemaah Menteri 16 Jun 1960
- ▶ Akta Fungsi-Fungsi Menteri 1969
- ▶ Akta Kemajuan Petroleum 1974
- ▶ Akta Bekalan Gas (Pindaan 2016)
- ▶ Akta Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand 1990
- ▶ Arahan Perbendaharaan (Perkara 43-47)

Warga EPU akan sentiasa berpegang teguh kepada kod etika dan nilai bersama.





**Dunia menyediakan segalanya yang
cukup untuk keperluan manusia,
tetapi bukan untuk ketamakan mereka**

(Mahatma Gandhi)

BAB

2

ISU DAN CABARAN



Isu dan Cabaran

RISIKO RASUAH DI EPU

EPU telah melaksanakan Penilaian Risiko Rasuah (*Corruption Risk Assessment-CRA*) bagi mengenal pasti risiko yang mungkin menjejaskan operasi dan imej organisasi. Dalam menganalisis risiko rasuah di EPU, input berikut telah diguna pakai:

- a) Dapatan daripada Bengkel Penilaian dan Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) pada 1 – 3 Julai 2019;
- b) Data dalaman organisasi seperti aduan, kes-kes tatatertib, kajian kepuasan pelanggan dan Sistem Pengurusan Audit Nilai (SPAN);
- c) Data daripada agensi luar seperti Laporan Ketua Audit Negara dan Biro Pengaduan Awam (BPA);
- d) Statistik Terhadap EPU Bagi Tahun 2016-2020 daripada SPRM; dan
- e) Pengesanan dan pengesanan Unit Integriti EPU.

EPU telah diberi penarafan sebagai agensi berisiko tinggi oleh Bahagian Pengurusan Integriti Agensi (BPIA), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Penarafan ini diberi berikutan daripada 17 agensi di bawah EPU telah diberi penarafan risiko tinggi. Selain itu, aktiviti teras EPU turut melibatkan pengurusan peruntukan yang besar dan terdedah kepada risiko rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan. Namun begitu, setakat ini EPU tidak mencatatkan sebarang kes tangkapan dan pertuduhan oleh SPRM.

Risiko yang dihadapi oleh EPU adalah dalam bidang tadbir urus yang merangkumi perkara berikut:

- a) Tahap pematuhan kepada SOP
- b) Kebocoran maklumat
- c) Tekanan dan campur tangan daripada pihak luar
- d) Kelemahan sistem dan prosedur kerja

Statistik yang diterima oleh pihak pengurusan menunjukkan kebanyakan aduan adalah berkaitan tata tertib yang melibatkan masalah disiplin seperti ketidakhadiran bertugas, gangguan seksual dan sikap tidak bertanggungjawab.



STATISTIK DAN LAPORAN PENERIMAAN ADUAN

JENIS KESALAHAN	2016	2017	2018	2019	2020	JUMLAH	CATATAN
Penyelewengan	0	0	0	0	0	0	Fail pengesanan dan pengesanan dibuka
Gangguan Seksual	0	0	0	3	0	3	
Salah Guna Kuasa	0	0	0	0	0	0	
Masalah Bahagian Pengurusan	0	0	0	0	1	1	
Tatakelakuan dan Sikap Tidak Bertanggungjawab	0	0	0	2	4	6	
Pemalsuan Dokumen	0	0	0	2	0	2	
Pelbagai Aduan	0	0	0	1	0	1	
Jumlah	0	0	0	8	5	13	


Sumber : Unit Integriti, EPU

LAPORAN KES TATATERTIB EPU, 2016-2020



JENIS KESALAHAN	TAHUN	BILANGAN
Ketidakhadiran Bertugas	2016	1
Mencuri	2016	1


Sumber : Unit Integriti, EPU



KAJI SELIDIK BERKAITAN ISU RASUAH, GOVERNANS DAN INTEGRITI

Hasil kaji selidik dalam kalangan warga EPU berkaitan isu rasuah, governans dan integriti yang dilaksanakan pada tahun 2020.

"Pernakah anda ditawarkan/menerima rasuah oleh mana-mana individu untuk melakukan atau tidak melakukan sesuatu perkara yang berkaitan dengan tugas rasmi?"



YA

TIDAK



"Pernakah anda menerima sebarang pemberian/hadiah daripada mana-mana pihak yang mempunyai kepentingan rasmi kepada organisasi anda?"




YA

TIDAK



"Pernahkan pengurusan tertinggi atau majikan melindungi pegawai-pegawai yang melakukan kesalahan tata tertib atau rasuah di organisasi anda?"



YA

TIDAK



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

Berdasarkan audit yang telah dilaksanakan terhadap EPU berkaitan kawalan dalam pengurusan kewangan, terdapat perkara yang perlu diberi perhatian dan ditambah baik bagi memastikan kelemahan yang sama tidak berulang pada masa akan datang.

(Hadis Riwayat: Bukhari)



**Akan datang suatu masa manusia,
tidak lagi peduli cara untuk mendapatkan harta,
sama ada dengan cara yang halal ataupun
dengan cara yang haram**



BAB

3

**MEMPERKASA USAHA
PENCEGAHAN RASUAH**

Kerangka **OACP EPU**

Peranan EPU sebagai agensi peneraju dalam merancang pembangunan sosioekonomi negara serta mengagihkan sumber peruntukan pembangunan memberikan impak kepada pertumbuhan ekonomi negara. Sehubungan itu, pengukuhan integriti, tadbir urus dan antirasuah dalam sistem dan proses kerja EPU adalah amat diperlukan. Dalam hubungan ini, pembangunan OACP EPU 2021-2025 yang menangani isu-isu dalaman organisasi berkaitan isu integriti dan tadbir urus adalah tepat bagi mencapai visi, misi dan objektif EPU.


Pelan ini bertujuan bagi menutup semua ruang dan peluang berlakunya rasuah, salahguna kuasa, penyelewengan dan campur tangan pihak berkepentingan yang mungkin boleh berlaku. Pelaksanaan pelan tindakan yang digariskan dalam OACP ini mampu memantapkan integriti, tadbir urus, ketelusan dan akauntabiliti warga EPU.

KERANGKA OACP EPU

VISI	Menjadikan warga EPU yang berintegriti dan telus
MISI	Memantapkan kecekapan, ketelusan dan akauntabiliti dalam perancangan pembangunan sosioekonomi serta pengagihan sumber peruntukan
MATLAMAT	Menjadikan warga EPU yang cekap dan telus serta mempunyai tahap integriti dan akauntabiliti yang tinggi
BIDANG KEUTAMAAN	▶ Perancangan projek pembangunan ▶ Kawal selia dan tadbir urus agensi ▶ Khidmat pengurusan
STRATEGI	▶ Mengukuhkan akauntabiliti, kecekapan dan ketelusan dalam perancangan projek pembangunan; ▶ Memantapkan kecekapan, ketelusan dan integriti dalam kawal selia dan tadbir urus agensi; ▶ Mempertingkatkan kecekapan dan keberkesanan dalam penyampaian khidmat sokongan
OBJEKTIF STRATEGI	7 objektif strategi
RISIKO	12 risiko
PELAN TINDAKAN	29 pelan tindakan

ANALISIS KUADRAN

Analisis kuadran yang memaparkan impak dan kompleksiti pelaksanaan pelan tindakan telah diguna bagi mengkategorikan sebanyak 29 pelan tindakan yang akan dilaksanakan oleh EPU. Terdapat 23 pelan tindakan dalam Kuadran A di mana kompleksiti pelaksanaannya adalah rendah tetapi hasil pelaksanaannya adalah berimpak tinggi, manakala dua pelan tindakan berada dalam Kuadran B, empat pelan tindakan berada dalam Kuadran C dan tiada pelan tindakan yang berada dalam Kuadran D.



PETUNJUK

PELAN TINDAKAN DI BAWAH STRATEGI 1	Mengukuhkan akauntabiliti, kecekapan dan ketelusan dalam perancangan projek pembangunan
PELAN TINDAKAN DI BAWAH STRATEGI 2	Memantapkan kecekapan, ketelusan dan integriti dalam kawal selia dan tadbir urus agensi
PELAN TINDAKAN DI BAWAH STRATEGI 3	Mempertingkatkan kecekapan dan keberkesanan dalam penyampaian khidmat sokongan

KEUTAMAAN STRATEGIK

Keutamaan diberikan kepada pelaksanaan 29 pelan tindakan berdasarkan keperluan untuk disegerakan bagi menangani isu dan permasalahan yang merangkumi tiga strategi utama berkaitan perancangan projek pembangunan, kawal selia dan tadbir urus agensi serta khidmat pengurusan.

PELAN TINDAKAN	KUADRAN	STRATEGI
1 Menyediakan latihan bertauliah mengenai pengurusan projek, pentadbiran kontrak, urusan tanah dan penilaian <i>outcome</i> kepada pegawai EPU secara berkala	A	1
2 Menjalankan naziran dalaman terhadap proses kerja permohonan projek dan pelaksanaan notis perubahan secara berkala	A	1
3 Mengemas kini garis panduan sedia ada (proses kerja kelulusan, skop, masa, jenis permohonan dan senarai semak) secara berkala	A	1
4 Melaksanakan program kesedaran berkaitan Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88), Akta SPRM 2009 dan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 secara berkala	A	1
5 Melaksanakan tapisan integriti secara berkala	A	1
6 Melaksanakan analisis keperluan latihan (<i>Training Need Analysis</i>) berkaitan integriti, terutama bagi jawatan berisiko tinggi secara berkala	A	1
7 Membangunkan dasar <i>Whistleblower</i> EPU	A	1
8 Mendapat pensijilan MS ISO 37001 <i>Anti-Bribery Management System (ABMS)</i>	A	1
9 Menyediakan garis panduan pelantikan Pengerusi, Ahli Lembaga Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) bagi agensi di bawah kawal selia EPU	A	2
10 Mengkaji semula proses aliran kerja bagi mengurangkan kerenah birokrasi secara berkala	A	2
11 Membangunkan sistem pangkalan data berkaitan profil Pengerusi, Ahli Lembaga Pengarah dan CEO bagi agensi di bawah kawal selia EPU	A	2

PELAN TINDAKAN	KUADRAN	STRATEGI
12 Mewujudkan garis panduan bagi permohonan pinjaman pelaburan dan pelupusan aset	A	2
13 Menyemak dan mengemas kini SOP penggunaan kad inden dan kad <i>Touch n Go</i> secara berkala	C	3
14 Memberi latihan khusus dan kesedaran pengurusan aset secara berkala	A	3
15 Menyemak dan mengemas kini SOP kawalan aset secara berkala	A	3
16 Membangunkan sistem keselamatan aset	B	3
17 Memberi latihan dan program kesedaran berkaitan Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88) dan Dasar Keselamatan ICT secara berkala	A	3
18 Meningkatkan naziran untuk memastikan pematuhan Arahan Keselamatan dan Dasar Keselamatan ICT	A	3
19 Meningkatkan pemantauan tuntutan perjalanan secara berkala	A	3
20 Memberi latihan khusus dan kesedaran berkenaan pengurusan kewangan peribadi secara berkala	A	3
21 Mengemas kini SOP tuntutan perjalanan secara berkala	A	3
22 Melaksanakan program kesedaran berkaitan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2018: Garis Panduan Pengendalian Kes Gangguan Seksual di Tempat Kerja secara berkala	C	3
23 Melaksanakan sistem kehadiran biometrik	B	3
24 Menambah baik pelaksanaan SOP kehadiran pegawai secara berkala	A	3
25 Mengadakan program pemantapan jati diri dan integriti secara berkala	A	3

PELAN TINDAKAN		KUADRAN	STRATEGI
26	Melaksanakan pusingan kerja dan penggiliran tugas jawatankuasa perolehan secara berkala	A	3
27	Memperkukuh pelaksanaan <i>Integrity Pact</i> berkenaan pengendalian dan kawalan maklumat terperingkat	A	3
28	Memberi latihan yang berterusan kepada pegawai yang menguruskan perolehan secara berkala	C	3
29	Mengambil tindakan punitif kepada pegawai yang melanggar peraturan	C	3

BIDANG KEUTAMAAN

01

**Perancangan Projek
Pembangunan**

STRATEGI

Mengukuhkan akauntabiliti kecekapan dan ketelusan dalam perancangan projek Pembangunan



02

**Kawal Selia dan Tadbir
Urus Agensi**

STRATEGI

Memantapkan kecekapan, ketelusan dan integriti dalam kawal selia dan tadbir urus agensi



03

Khidmat Pengurusan

STRATEGI

Mempertingkatkan kecekapan dan keberkesanan dalam penyampaian khidmat sokongan





MENGUKUHKAN AKAUNTABILITI KECEKAPAN DAN KETELUSAN DALAM PERANCANGAN PROJEK PEMBANGUNAN

Objektif Strategik: Meningkatkan akauntabiliti, kecekapan dan ketelusan proses kelulusan projek pembangunan

PELAN TINDAKAN	PELAKSANA	TEMPOH MASA
Menyediakan latihan bertauliah mengenai pengurusan projek, pentadbiran kontrak, urusan tanah dan penilaian <i>outcome</i> kepada pegawai EPU secara berkala	BSM	5 TAHUN (2021-2025)
Menjalankan naziran dalaman terhadap proses kerja permohonan projek dan pelaksanaan notis perubahan secara berkala	UI	5 TAHUN (2021-2025)
Mengemas kini garis panduan sedia ada (proses kerja kelulusan, skop, masa, jenis permohonan dan senarai semak) secara berkala	BBP	5 TAHUN (2021-2025)
Melaksanakan program kesedaran berkaitan Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88), Akta SPRM 2009 dan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 secara berkala	UI	5 TAHUN (2021-2025)
Melaksanakan tapisan integriti secara berkala	UI	5 TAHUN (2021-2025)
Melaksanakan analisis keperluan latihan (<i>Training Need Analysis</i>) berkaitan integriti, terutama bagi jawatan berisiko tinggi secara berkala	BSM	5 TAHUN (2021-2025)
Membangunkan dasar <i>Whistleblower</i> EPU	UI	1 TAHUN (2022)
Mendapat pensijilan MS ISO 37001 <i>Anti-Bribery Management System (ABMS)</i>	UI	2 TAHUN (2022-2023)



MEMANTAPKAN KECEKAPAN, KETELUSAN DAN INTEGRITI DALAM TADBIR URUS KAWAL SELIA DAN TADBIR URUS AGENSI

Objektif Strategik: Menangani campur tangan pihak berkepentingan dalam urusan pelantikan pengerusi, Ahli Lembaga Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) bagi agensi-agensi di bawah kawal selia EPU

PELAN TINDAKAN	PELAKSANA	TEMPOH MASA
Menyediakan garis panduan pelantikan, Pengerusi, Ahli Lembaga Pengarah dan CEO bagi agensi di bawah kawal selia EPU	BPKP	1 TAHUN (2022)
Mengkaji semula proses aliran kerja bagi mengurangkan kerenah birokrasi secara berkala	BPKP	4 TAHUN (2022-2025)
Membangunkan sistem pangkalan data berkaitan profil Pengerusi, Ahli Lembaga Pengarah dan CEO bagi agensi di bawah kawal selia EPU	BPKP, BPM	1 TAHUN (2022)



MEMANTAPKAN KECEKAPAN, KETELUSAN DAN INTEGRITI DALAM TADBIR URUS DAN KAWAL SELIA AGENSI

Objektif Strategik: Meningkatkan kecekapan dan ketelusan proses berkaitan pelaburan dan pelupusan aset

PELAN TINDAKAN	PELAKSANA	TEMPOH MASA
Mewujudkan garis panduan bagi permohonan pinjaman pelaburan dan pelupusan aset	BPKP	1 TAHUN (2022)

STRATEGI 3



MEMPERTINGKATKAN KECEKAPAN DAN KEBERKESANAN DALAM PENYAMPAIAN KHIDMAT SOKONGAN

Objektif Strategik: Memperkukuh kecekapan pentadbiran

PELAN TINDAKAN	PELAKSANA	TEMPOH MASA
Menyemak dan mengemas kini SOP penggunaan kad inden dan kad <i>Touch n Go</i> secara berkala	BKPK	5 TAHUN (2021-2025)
Memberi latihan khusus dan kesedaran pengurusan aset secara berkala	BSM	5 TAHUN (2021-2025)



MEMPERTINGKATKAN KECEKAPAN DAN KEBERKESANAN DALAM PENYAMPAIAN KHIDMAT SOKONGAN

Objektif Strategik: Meningkatkan kecekapan pengurusan aset kerajaan

PELAN TINDAKAN	PELAKSANA	TEMPOH MASA
Menyemak dan mengemas kini SOP kawalan aset secara berkala	BKPK	4 TAHUN (2022-2025)
Membangunkan sistem keselamatan aset	BPM	2 TAHUN (2022-2023)



MEMPERTINGKATKAN KECEKAPAN DAN KEBERKESANAN DALAM PENYAMPAIAN KHIDMAT SOKONGAN

Objektif Strategik: Memperkukuh keselamatan perlindungan organisasi

PELAN TINDAKAN	PELAKSANA	TEMPOH MASA
Memberi latihan dan program kesedaran berkaitan Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88) dan Dasar Keselamatan ICT	BSM	5 TAHUN (2021-2025)
Meningkatkan naziran untuk memastikan pematuhan Arahan Keselamatan dan Dasar Keselamatan ICT	BKPK, BPM	5 TAHUN (2021-2025)



MEMPERTINGKATKAN KECEKAPAN DAN KEBERKESANAN DALAM PENYAMPAIAN KHIDMAT SOKONGAN

Objektif Strategik: Mempertingkatkan integriti & profesionalisme pegawai

PELAN TINDAKAN	PELAKSANA	TEMPOH MASA
Meningkatkan pemantauan tuntutan perjalanan secara berkala	BKPK	5 TAHUN (2021-2025)
Memberi latihan khusus dan kesedaran berkenaan pengurusan kewangan peribadi secara berkala	BSM	5 TAHUN (2021-2025)
Mengemas kini SOP tuntutan perjalanan secara berkala	BKPK	1 TAHUN (2021-2022)

PELAN TINDAKAN	PELAKSANA	TEMPOH MASA
Melaksanakan program kesedaran berkaitan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2018: Garis Panduan Pengendalian Kes Gangguan Seksual di Tempat Kerja secara berkala	BSM	5 TAHUN (2021-2025)
Melaksanakan sistem kehadiran biometrik	BKPK	1 TAHUN (2022)
Menambah baik pelaksanaan SOP kehadiran pegawai secara berkala	BSM	5 TAHUN (2021-2025)
Mengadakan program pemantapan jati diri dan integriti secara berkala	BSM	5 TAHUN (2021-2025)
Melaksanakan pusingan kerja dan penggiliran tugas jawatankuasa perolehan secara berkala	BKPK	5 TAHUN (2021-2025)
Memperkuh pelaksanaan <i>Integrity Pact</i> berkenaan pengendalian dan kawalan maklumat terperinci	BKPK	5 TAHUN (2021-2025)
Memberi latihan yang berterusan kepada pegawai yang menguruskan perolehan secara berkala	BSM	5 TAHUN (2021-2025)
Mengambil tindakan punitif kepada pegawai yang melanggar peraturan	UI	5 TAHUN (2021-2025)



“

**Rasuah perlu ditolak dalam apa
cara sekalipun kerana ia
mengambil harta daripada
orang yang memerlukan**

”

(Pope Francis)

BAB

4

**PELAKSANAAN PELAN
TADBIR URUS**



PELAKSANAAN, PEMANTAUAN DAN SEMAKAN SEMULA

Setiap pelan tindakan ini hendaklah dilaksana dan dipatuhi mengikut tempoh sasaran yang telah ditetapkan. Laporan pencapaian pelaksanaan pelan tindakan akan dibentangkan kepada Pengurusan Tertinggi dalam Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah (JAR) EPU. Penilaian pencapaian pelan akan dilaksanakan setiap tahun manakala semakan semula keberkesanan OACP EPU akan dilaksanakan dalam tempoh dua tahun.

STRUKTUR TADBIR URUS

JAWATANKUASA ANTIRASUAH (JAR)

PENGERUSI:
KETUA PENGARAH EPU

AHLI:
**SEMUA TIMBALAN KETUA PENGARAH DAN PENGARAH BAHAGIAN
SERTA KETUA UNIT**

URUS SETIA:
UNIT INTEGRITI

Terma Rujukan:

- ▶ Menerima laporan pencapaian pelaksanaan OACP EPU;
- ▶ Mendapatkan penjelasan daripada pelaksana pelan tindakan; dan
- ▶ Mempertimbangkan dan membuat keputusan berkaitan pelaksanaan OACP EPU.

JAWATANKUASA PELAKSANAAN, PEMANTAUAN & PENILAIAN OACP EPU

KEAHLIAN:

**PENGERUSI:
TIMBALAN KETUA PENGARAH (DASAR)**

**AHLI:
SEMUA PENGARAH BAHAGIAN DAN KETUA UNIT**

**URUS SETIA:
UNIT INTEGRITI**

Terma Rujukan :

- ▶ Memantau, menilai dan melapor pencapaian OACP EPU;
- ▶ Memastikan setiap pelan tindakan dilaksanakan dan dipatuhi mengikut tempoh sasaran yang telah ditetapkan;
- ▶ Memastikan laporan pencapaian OACP EPU dikemukakan kepada Pengurusan Tertinggi dan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah (JAR) untuk pertimbangan dan keputusan; dan
- ▶ Menilai dan menyemak semula keberkesanan OACP EPU.



BAB 5

KESIMPULAN





Kesimpulan

OACP EPU menggariskan 29 pelan tindakan yang perlu dilaksanakan bagi menangani isu integriti dan tadbir urus serta membendung salah laku dalam kalangan warga EPU. Komitmen berterusan semua warga EPU akan dapat memastikan objektif OACP EPU dicapai dan direalisasikan.

Pemantauan dan kajian keberkesanan OACP EPU akan dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan pelan ini adalah selari dengan dasar semasa Kerajaan.

PENGHARGAAN

Ucapan terima kasih tidak terhitung kepada:

PENAUNG

**ALLAHYARHAM ENCIK
ABDUL HALIM BIN
ABDUL AZIZ**

Timbalan Ketua Pengarah
(Dasar)

**YBHG. DATO'
AHMAD ZAMRI BIN
KHAIRUDDIN**

Pengarah Bahagian
Pembangunan Wilayah
(BPW)

**ENCIK
BONIFACE ANAK
EDWIN MANUNG**

Pengarah Kanan
(Pengurusan)

**YBHG. DATUK DR.
SUHANA BINTI
MD. SALEH**


Pengarah Bahagian
K-Ekonomi (BKE)

**PUAN
MANIZA BINTI
MAHFUZ**

Pengarah Bahagian
Khidmat Pengurusan &
Kewangan (BKPK)

**ENCIK
RAMLEE BIN AMAT**

Pengarah Bahagian
Penyelarasan, Kawalan dan
Pemantauan (BPKP)



PASUKAN SEKRETARIAT

KETUA

Mohd Hamzah bin Abdullah

AHLI-AHLI

Norhidayu binti Mohd Salleh
Nurain binti Shamsuddin
Che Zanariah binti Che Pa
Syed Iswandeel binti Syed Hussain
Norfranlisa binti Hassan Sani
Muhammad Syareel Nizam bin Aris
Mohd Khairil Anuar bin A Aziz
Seripul Azali bin Shamsuddin

AHLI-AHLI

INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA (IIM)

Zubayry Abady bin Sofian
Harisham bin Ibrahim
Umar Chong Shafie Abdullah

JAWATANKUASA EDITORIAL OACP EPU 2021-2025

Boniface Anak Edwin Manung
Raudatil Jannah binti Abdul Wahad Zen
Es Zamila binti Abdullah
Genevieve Clarinda Joanis
Dominic Fernandez

SENARAI NAMA PESERTA BENGKEL PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP) EPU

BAHAGIAN INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN AWAM

Syafrina binti Husaini

BAHAGIAN TENAGA

Lam Soon Tak

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN & KEWANGAN

Adrian Leong Tiam Ee

BAHAGIAN PERKHIDMATAN SOSIAL

Siti Noorliza binti Md Salleh

BAHAGIAN PERTANIAN

Wan Faez bin Wan Jaffar

BAHAGIAN INDUSTRI PERKHIDMATAN

Mohd Shaiful Hizam bin Johan

BAHAGIAN EKONOMI MAKRO

Chin Kenvey

BAHAGIAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Hashimah binti Haron

BAHAGIAN PENGURUSAN NILAI

Marahakim bin Manap

BAHAGIAN PENYELARASAN, KAWALAN DAN PEMANTAUAN

Muhammad Amir Shahid bin Abdullah

BAHAGIAN K-EKONOMI

Muazlinda binti Mutalib

BAHAGIAN KESELAMATAN DAN KETENTERAMAN AWAM

Isaac Rabindranath a/l Chinniah

BAHAGIAN EKONOMI ALAM SEKITAR DAN SUMBER ASLI

Sobri bin Mohd Mansori

BAHAGIAN SUMBER MANUSIA

Imran Halim bin Harun

BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT

Ahmad Shamsuddin bin Amat Shukor

BAHAGIAN KERJASAMA ANTARABANGSA

Rosdin bin Abbas

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Mohamad Amsyari bin Mohammad Suhaimi

UNIT STATISTIK

Hasliza binti Hashim

BAHAGIAN UNDANG-UNDANG

Wan Ashrul Afham bin Mohamad

BAHAGIAN BAJET PEMBANGUNAN

Ahmad Aizat bin Jamlus

SEKRETARIAT MAJLIS TINDAKAN EKONOMI


Manndzri bin Hj. Nasib

BAHAGIAN PEMBANGUNAN EKUITI

Intan Masturah binti Mohamad Yusof

INDUSTRI PEMBUATAN, SAINS DAN TEKNOLOGI

Desmond Wong @ Dennis





BENGKEL PELAN ANTI RASUAH (OACP) EPU

Bilik Mesyuarat C, Aras 6, Setia Perdana 6, EPU
3 - 6 Mei 2021




MESYUARAT JAWATANKUASA (OACP) EPU

Bilik Mesyuarat Bahagian Pembangunan Wilayah, Aras 3, Setia Perdana 5, EPU
2 November 2021







Catatan



MENARA PRISMA PRESINT 3



www.epu.gov.my

